

Najib Akan Rasmi Pecah Tanah Projek Stesen Jana Kuasa Di London
Bernama
30 June, 2013

PUTRAJAYA, 30 Jun (Bernama) -- Selepas menamatkan lawatan kerjanya ke Tanzania, Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dijadual ke London untuk merasmikan upacara pecah tanah Projek Stesen Jana Kuasa Battersea bersama rakan sejawatannya dari United Kingdom David Cameron, Khamis depan.

Projek itu dibangunkan oleh Battersea Project Holding Company Ltd, sebuah syarikat usaha sama milik konsortium Malaysia terdiri daripada SP Setia, Sime Darby dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja.

Wisma Putra dalam satu kenyataan di sini berkata konsortium Malaysia itu berjaya membida projek itu menerusi tender terbuka September lepas, dan kehadiran dua orang perdana menteri di upacara itu melambangkan hubungan politik dan ekonomi yang rapat antara kedua-dua negara.

Semasa lawatan kerja selama enam hari bermula 1 Julai, Najib akan juga mengadakan mesyuarat dengan Cameron, sebelum upacara pecah tanah, di mana kedua-dua perdana menteri akan bertukar-tukar pandangan mengenai hal-hal bilateral selain isu-isu kepentingan bersama serantau dan antarabangsa.

"Lawatan kerja itu dijangka mempertingkatkan hubungan persahabatan akrab antara Malaysia dan UK, dan ini merupakan satu lagi contoh peningkatan kekerapan pertukaran bilateral antara kedua-dua negara dalam tempoh tiga tahun lepas," kata kenyataan itu.

Semasa di London, Najib akan juga menghadiri taklimat media mengenai Forum Ekonomi Islam Sedunia (WIEF) ke-9 dari 29-31 Okt, WIEF pertama diadakan di Eropah, dihos oleh negara bukan Islam.

Perdana Menteri dijangka menyampaikan sepatah dua kata semasa taklimat itu dihos oleh Sekretariat WIEF dan Pejabat Datuk Bandar London, dengan matlamat mempromosi WIEF London.

Beliau juga dijadual menemui masyarakat Malaysia dan melancarkan Pusat Outreach IM4U, satu langkah kerajaan untuk bertukar-tuar pandangan dengan rakyat Malaysia yang berada di seberang laut, selain berusaha menghubungi generasi muda.

"Perdana Menteri akan disertai oleh isterinya Datin Seri Rosmah Mansor, Menteri Luar Datuk Seri Anifah Aman dan pegawai-pegawai dari Pejabat Perdana Menteri dan Kementerian Luar," kata kenyataan itu.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=959827>